

## Seni Silat Gayung: Warisan Yang Tidak Didendang

Muhammad Firhan Bin Fery  
Muhammad Qayyum Bin Che Azani  
Ahmad Zam Hariro Samsudin

**Fakulti Pengurusan Maklumat**  
**UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### ABSTRAK

*Dalam arus pemodenan ini, silat kini tidak lagi dianggap sebagai suatu warisan atau khazanah yang penting dan patut dipelajari. Seperkara lagi, remaja masa kini mulai pudar akan minat terhadap seni silat di negara kita. Dengan itu, usaha bagi melindungi dan memupuk tradisi warisan bangsa dikalangan masyarakat haruslah di tingkatkan bagi membuka mata dunia tentang kelebihan silat di negara kita ke peringkat antarabangsa. Oleh itu, penyelidikan telah dilakukan untuk merungkai tentang warisan seni yang kian dilupakan iaitu silat. Silat yang merupakan seni bela diri bangsa Melayu yang kini diiktiraf sebagai seni bela diri dalam Akta Warisan Negara. Terdapat beberapa pertubuhan silat yang sehingga kini masih bertahan dan memartabatkan warisan seni ini. Pelbagai kejayaan telah dicapai oleh pertubuhan ini. Ia menjurus kepada Silat Melayu yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dianggap sebagai silat asli tempatan atau silat versi Malaysia. Justeru, silat adalah seni bela diri rasmi bangsa Malaysia berteraskan Silat Melayu yang wajar dianggap sebagai satu aset atau kelebihan yang patut dibanggakan oleh rakyat Malaysia sebagai Bela Diri Rasmi Bangsa Malaysia.*

**Kata kunci:** Silat, Seni Pertahanan Diri, Silat Gayong Fatani

### ABSTRACT

*In this current of modernization, silat is no longer considered as an important heritage or treasure and worth learning. One more thing, today's teenagers are starting to lose interest in martial arts in our country. Therefore, efforts to protect and nurture the nation's heritage tradition among the community must be increased to open the eyes of the world about the advantages of martial arts in our country to the international level. Therefore,*

*research has been done to unravel the increasingly forgotten artistic heritage of silat. Silat which is a Malay martial art that is now recognized as a martial art in the National Heritage Act. There are several martial arts organizations that still survive and uphold this artistic heritage. Various successes have been achieved by this organization. It focuses on Malay Silat practiced by the Malays in the Malay Peninsula which is considered as a local indigenous silat or Malaysian version of silat. Thus, silat is the official martial art of the Malaysian nation based on Malay Silat which should be considered as an asset or advantage that Malaysians should be proud of as the Official Martial Arts of the Malaysian Nation.*

**Keywords:** *Silat, Martial Art, Silat Gayong Fatani*

## **PENGENALAN**

Seni Silat atau Pencak Silat adalah salah satu seni mempertahankan diri bagi bangsa Melayu yang diamalkan sejak berkurun lalu. Umur bagi sesuatu ilmu atau asal usul seni ini tidak juga dapat dihuraikan secara terperinci kerana tiada usaha-usaha untuk mengkaji dari pihak berwajib dengan lebih mendalam. Ada yang mengatakan bahawa seni ini telah wujud dan diturunkan dari generasi ke generasi selama beratus-ratus tahun. Ini termasuk pengamal seni mempertahankan diri di Indonesia, Brunei, Filipina, Malaysia, dan Thailand.

Dengan itu, penyelidikan ini dijalankan bagi mengenali dan memahami sejarah Seni Silat Gayong ini dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, silat merupakan sebuah warisan bangsa melayu yang telah lama menjadi warisan turun-temurun. Terdapat pelbagai kisah tentang silat yang telah masyarakat dengarkan, akan tetapi adakah kita mengetahui kisah sebenar dan asal usul awal silat ini ditemukan?. Oleh itu, kajian ini telah dijalankan, pengajian ini dilakukan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang sejarah Pertubuhan Silat Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) bersama seorang tokoh terawal yang menguruskan pertubuhan tersebut iaitu Datuk Seri Panglima GM Datuk Seri Panglima GM Mohammad Nizam Mohamed Shapie. Dengan bantuan tokoh dan PSGFM, kajian yang dijalankan ini telah memperoleh informasi yang boleh dipercayai dan masih belum diketahui masyarakat lagi.

Dalam pada itu juga, terdapat informasi dan kisah tentang tokoh bersama pertubuhannya yang dapat dicatatkan di dalam penyelidikan ini. dalam artikel ini. Ianya merupakan suatu kisah menarik yang dapat kita ketahui bersama tentangnya. Bukan mudah untuk memperoleh setiap informasi daripada tokoh, hal ini kerana tokoh merupakan seorang yang aktif dan sentiasa berada dimerata tempat atas urusan kerja. Oleh itu banyak usaha dan keringat yang telah dipaparkan bagi memperoleh kisah sejarah yang menarik dan asing daripada pengetahuan masyarakat.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Silat ialah sejenis permainan dengan menggunakan ketangkasan dan mempertahankan diri ialah makna yang diberikan oleh Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Tengku Iskandar, 1970), maksudnya ialah sejenis sukan atau permainan tradisi yang mempertempurkan dua orang pesilat yang mahir dalam ilmu bela diri tidak kira menggunakan senjata atau tanpa senjata. Dengan tujuan persembahan ataupun memilih pesilat yang unggul. Hal yang demikian silat atau sukan tradisi rakyat memerlukan kemahiran dan ketangkasan mental dan fizikal. Permainan ini diadakan di masa singgang, bertamat silat, majlis rasmi, perkahwinan atau adat makan pulut yang diiringi dengan muzik iaitu gendang silat. Walau Bagaimanapun terdapat beberapa masalah dalam bidang persilatan pada masa kini.

Peredaran masa telah menyebabkan golongan remaja kurang berpengetahuan tentang silat. Golongan remaja sekarang menganggap seni silat ini sebagai satu perkara yang ketinggalan zaman dan tidak relevan pada masa kini. Maka minat mereka terhadap seni silat ini tiada. Golongan remaja ketika ini lebih gemar membanggakan seni pertahanan diri bangsa lain seperti *muay thai*, *taekwondo* dan *wushu*. Kesannya akan berkuranglah jumlah remaja yang meminati dan menceburi bidang persilatan ini, yang tinggal hanyalah golongan veteran sahaja yang meneruskan warisan ini.

Terdapat juga ibu bapa yang beranggapan bahawa seni silat ini akan menyebabkan anak-anak mereka menjadi kasar, lebih-lebih lagi anak perempuan mereka. Walhal seni silat ini bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan mental diri dan salah satu ilmu mempertahankan diri.

Seterusnya ialah masalah kewangan yang dihadapi oleh persatuan silat. Antaranya ialah kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan ketika hendak membeli alatan silat yang baru bagi menggantikan peralatan yang lama seperti tekpi, parang dan kayu. Alatan yang sedia ada mungkin telah usang dan menjadikannya bahaya untuk digunakan. Antara faktor yang menyumbang kepada masalah ini adalah kurangnya ahli dalam sesebuah persatuan silat. Hal ini menyebabkan persatuan silat tidak dapat dibaik pulih dan akan menyebabkan penutupan persatuan silat tersebut. Maka makin berkuranglah persatuan silat di Malaysia.

Selain itu, perguruan silat juga merupakan salah satu masalah dalam bidang persilatan kerana terdapat perbezaan dalam pengamalan kaedah pengajaran silat. Kebanyakan guru silat menggunakan cara masing-masing dan ini telah menjadikan silat ini tidak seragam dan berbeza-beza. Ketidakteraturan ini telah memberikan kesan yang negatif terhadap pertandingan silat. Pengamal silat di negara bukan asal silat yang baru mengenal kemahiran dan budaya silat misalnya telah menghadapi masalah menguasai dan bersaing dengan peserta negara asal silat. Kesannya akan berlaku percanggahan ilmu dan menyebabkan kekeliruan dan ini boleh menyebabkan ramai yang kurang berminat untuk mempelajari seni silat dan beralih kepada seni mempertahankan diri yang lain.

Selain dari itu, satu lagi masalah yang dihadapi dalam penyelidikan ini ialah dari segi waktu dan lokasi. Pandemik Covid-19 yang berlaku di seluruh dunia pada masa kini telah menyebabkan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan dimana berlakunya sekatan untuk keluar masuk antara daerah dan negeri. Hal ini memberi kesan kepada kajian ini kerana penyelidikan ini memerlukan penyelidik untuk merentasi negeri untuk menemubual orang yang telah dipilih untuk menjayakan kajian ini. Namun begitu, penyelidik telah berjaya mendapatkan kebenaran rentas negeri dari pihak berkuasa dan dapat melakukan temu bual dengan jayanya.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Penyelidikan ini dijalankan adalah untuk mempelajari sejarah persatuan dan sejarah silat di Malaysia. Seni silat gayong ini mempunyai

banyak sejarah yang tidak pernah lagi dikaji oleh penyelidikan lain. Tujuan penyelidikan ini dijalankan kajian ini adalah bagi merungkai sejarah Pertubuhan Seni Gayong Fatani Malaysia (PSGFM) itu sendiri. Pertubuhan ini mempunyai kisah sejarah yang panjang dan menarik. Masih ramai orang yang tidak mengenali apakah sebenarnya Seni Silat Gayong, mengapa 'gayong', bagaimanakah asal usul nama itu tercipta, apakah maksud 'Fatani dan bermacam persoalan yang dipertimbangkan. Dengan kajian ini dijalankan, diharapkan bahawa setiap persoalan dan tanda tanya dapat dijawab tanpa sebarang kekeliruan.

Disamping itu, penyelidikan ini juga mengkaji tentang sejarah dan latar belakang tokoh. Tokoh mempunyai banyak kisah menarik yang dapat beliau kongsi. Antara persoalan yang diajukan adalah seperti bagaimana beliau mengetahui tentang seni silat ini, bagaimana beliau mula menceburi bidang ini, bagaimana tanggapan keluarga beliau, siapa rakan beliau yang turut bersama ketika itu dan pelbagai lagi soalan diajukan, Setiap persoalan yang diberi dapat disambut baik oleh tokoh dan juga terdapat beberapa tambahan kisah yang dikongsi bersama.

Selain itu, penyelidikan ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti halangan dan cabaran yang dihadapi oleh PSGFM sepanjang pertubuhan ini di tubuhkan. Antara persoalan yang timbul adalah bagaimana hubungan tersebut diatasi, bagaimana mereka mengubah tanggapan masyarakat ketika itu dan pelbagai lagi. Hal ini kerana dahulu dan ini adalah dua zaman yang berbeza, tidak seperti masa kini yang banyak kemudahan bagi menjalankan kegiatan pertubuhan tersebut.

Akhir sekali adalah tentang pencapaian yang telah dicapai oleh tokoh dan PSGFM sendiri. Oleh kerana tokoh dan pertubuhan sudah lama dalam bidang ini, pastinya banyak pencapaian yang telah dicapai untuk sampai ke tahap ini. Sementara itu, dapat selit kisah bagaimana tokoh mendapat gelaran dan pencapaian tersebut.

**PERSOALAN KAJIAN**

Penyelidikan ini dijalankan kerana terdapat beberapa persoalan yang bermain didalam fikiran masyarakat, antaranya adalah Apakah sejarah penubuhan Pertubuhan Seni Gayung Fatani?, Penyelidikan ini bertujuan untuk mengungkap dengan lebih lanjut tentang asal usul bagaimana pertubuhan ini ditubuhkan. Hal ini demikian kerana penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui factor-faktor yang mempengaruhi pertubuhan ini.

Persoalan yang seterusnya tentang penyelidikan ini adalah ingin mendeteksi halangan dan cabaran yang dihadapi oleh pertubuhan ini. Hal ini kerana penyelidikan ini bertujuan mahu mengetahui dan bagaimana mereka mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi cabaran dan halangan tersebut

Akhir sekali penyelidikan ini dilakukan untuk mengetahui apakah pencapaian pertubuhan ini sepanjang pertubuhan ini ditubuhkan apakah dicapai yang telah dicapai oleh pertubuhan silat ini? Hal ini demikian kerana tujuan penyelidikan ingin menverifikasikan kejayaan yang telah dicapai oleh pertubuhan silat ini.

**KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN**

Salah satu kepentingan silat ialah untuk mempraktikkan seni beladiri apabila perkara yang tidak diingini berlaku kepada kita untuk mempertahankan diri dan juga orang sekeliling kita. Mempelajari seni mempertahankan diri akan meningkatkan ketersediaan dan ketahanan diri terhadap modifikasi persekitaran.

Selain itu, jika difikirkan, silat adalah antara jenis seni beladiri yang bagus untuk kesejahteraan. Arah seni mempertahankan diri adalah aktiviti yang memerlukan sejumlah gerakan badan. Peluh akan banyak keluar daripada badan dan ini akan menjadikan tubuh badan kita lebih sihat, malahan dapat menyingkirkan sisa toksik dalam tubuh badan kita dengan berpeluh.

Seterusnya, pengenalan identiti dan memupuk semangat dan rasa ingin tahu yang kuat dalam komuniti seni mempertahankan diri. Sebagai permulaan, dalam bidang seni mempertahankan diri, terdapat lima syarat untuk menjadikan seseorang itu lebih berwibawa dan bermaruah. Antaranya,

tidak mentaati ibu dan ayah, tidak mentaati saudara dan saudari, tidak mentaati semua pengajar dengan baik, tidak boleh menderhaka kepada anggota yang lebih tua, dan tidak boleh mengutuk semua bentuk seni mempertahankan diri yang lain. Semua syarat ini memerintahkan pengamal untuk bersikap baik dan menggunakan rasa hormat timbal balik dalam amalan mereka untuk sesama manusia.

## **TINJAUAN LITERATUR**

Beberapa tinjauan literatur telah dilakukan keatas kajian-kajian lepas berkenaan dengan seni silat dan juga pertubuhan-pertubuhan silat. Kajian tersebut mempunyai pelbagai tumpuan yang berbeza mengikut penyelidikan yang telah dibuat.

Walaupun begitu, kajian terdahulu hanya menyentuh dari segi, unsur, teknik, dan pantang larang, yang berkenaan dengan seni silat dan tiada lagi kajian keatas pertubuhan dan sejarah pertubuhan yang dilakukan. Kebanyakan kajian yang ada hanyalah tentang silat secara umumnya.

Menurut laman web Menteri Komunikasi dan Multimedia, warisan mempunyai dua variasi, warisan nyata dan warisan tidak nyata. Warisan ketara bermaksud yang dapat dipegang dan dilihat. Manakala warisan tidak nyata pula bermaksud pengetahuan serta kemahiran yang didefinisikan melalui lisan, kualiti adat dan budaya, dan bahasa. Seni silat ini terdapat di bawah golongan warisan tidak ketara,

Menurut Prof. Madya Zaharul Lailiddin bin Saidon (Okt 2014), beliau menyatakan bahawa generasi muda masa kini berpendapat bahawa budaya persembahan moden barat lebih menarik perhatian dan bersesuaian dengan cita rasa mereka. Silat juga merupakan satu budaya dan seni tradisional. Tambahan beliau, remaja generasi muda tidak tertarik kepada adat dan warisan tradisional kerana mereka tidak kenal dan tidak didedahkan apatah lagi untuk menghayati atau mempelajari seni tradisional. Hal ini kerana kurang pendedahan di peringkat sekolah dilakukan.

Penjajahan berbentuk psikologi dari luar negara dalam bidang seni bela diri seperti Taekwondo dan Muay Thai telah mencemarkan jati diri golongan muda khususnya Melayu. Seni yang asalnya daripada luar negara ini tidak menerapkan aspek-aspek keagamaan dan akan mencemarkan mereka (Adiwijaya Abdullah, 2018). Tambahannya lagi dalam artikel Harian Metro 25 Jun 2018, sikap beberapa golongan muda yang mengambil seni bela diri dari luar sampai menolak silat gayong merupakan hal yang mengecewakan. "Mereka (golongan muda) menganggap menuntut ilmu silat gayong sebagai kelas bawahan adalah perkara yang tidak berfaedah. "Silat gayong itu adalah Melayu. Kedua-dua perkara penting ini adalah saling melengkapi. Jika bukan golongan muda Melayu memartabatkan budaya bangsa, siapa lagi?"

Tambahan lagi, ada yang berfikir tentang pendedahan kepada seni mempertahankan diri, akan menyebabkan anak mereka menjadi degil, kasar dan akan salah guna kepakaran itu untuk kegunaan diri sendiri. Hal itu adalah salah satu faktor mengapa terdapat beberapa ibu bapa tidak membenarkan anak mereka mengikuti aktiviti seperti seni mempertahankan diri (Yusliza, 2019).

Bangsa Melayu di Malaysia menggelarkan silat ini menggunakan maksud 'seni silat', manakala di negara Indonesia, mereka menggunakan maksud 'pencak silat'. Tetapi, ada pula penyelidikan yang memanggil silat ini sebagai 'seni pencak silat' dengan mengatakan bahawa ia merupakan gabungan ilmu seni iaitu keindahan gerak dan bela diri (Anuar, 1996).

Pada waktu dahulu, benar diakui bahawa kegigihan untuk mempelajari ilmu seni mempertahankan diri, terkenal dalam kalangan hulubalang dan sangat diminati oleh kalangan lelaki dewasa. Hal ini demikian kerana, mereka bukan sahaja menimba ilmu bertempur semata-mata, tetapi juga mempelajari ilmu berkaitan dengan kehidupan, dari segi adat dan adab, termasuk juga berkaitan rohani dan mistik seperti yang masih diterapkan dalam sebahagian besar aliran silat hari ini. (Farrer, 2009).

Menurut Satoru Tsunashima (2004) dalam kajian tesis beliau, aspek fizikal mengandungi komponen pergerakan yang terbagi kepada dua bahagian



iaitu 'bunga' dan 'buah'. Metafora tumbuhan melambangkan susunan tahap yang mengikut perkecambahan tumbuhan. Bunga atau 'tari' adalah asas elemen utama dalam persilatan, di mana pergerakannya dikemaskan. Yang tidak nyata dalam gerak langkah merupakan sifat budaya melayu/nusantara yang mementingkan faktor kesenian adab dalam semua langkah sebelum ke kategori 'buah'. Berdasarkan guru-guru silat, "Alif pada silat ialah bunga. Ba ertinya buah. Ta, tangkap dan kunci, sudahkan dengan sa, selesaikan dengan patahkan lawan". Tambahan lagi, silat penuh dengan informasi yang rapi di dalam satu aliran yang sama. Sama juga seperti bidang ilmu yang lain, skop ilmu silat mempunyai kemahiran yang secara asasnya diketahui di seluruh pelosok nusantara. Secara umum, terdapat dua skop komponen besar dalam ilmu persilatan yang saling berhubung iaitu, fizikal dan kebatinan/kerohanian (mysticism).

Walaupun Bagaimanapun, Berjat (Utusan Zaman, 12-1-58) berfikir bahawa seni silat Melayu asli tidak sama dengan Seni Silat Gayong, walaupun dia mengatakan bahawa seni silat Melayu asli sudah wujud sebelum era Hang Tuah dan beliau menyatakan tidak salah untuk mengatakan Seni Silat Gayong ialah hasil daripada "perkahwinan Silat Melayu dengan Judo Jepun".

Menurut laman web Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia (2016), terdapat 19 asa bengkung dalam silat gayong. ahli gayong perlu menjalani ujian kenaikan bengkung untuk mereka meneruskan ke peringkat seterusnya. Ujian ini berdasarkan tahap sukatan pelajaran bagi setiap bengkung. Susunan bengkung bermula daripada, Hitam Mulus, Awan Putih, Pelangi Hijau, Pelangi Merah, Pelangi Merah Cula 1, Pelangi Merah Cula 2, Pelangi Merah Cula 3, Pelangi Kuning, Pelangi Kuning Cula 1, Pelangi Kuning Cula 2, Pelangi Kuning Cula 3, Pelangi Kuning Cula 4, Pelangi Kuning Cula 5, Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 1, Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 2, Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 3, Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 4, Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 5, dan akhir sekali Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 6.

Seterusnya, dalam laman web PSGFM menyatakan Silat Melayu berasal daripada tradisi seni tempur Melayu yang menjadikan pakaian pahlawan bagi melindungi kerajaan Melayu di kawasan tenggara tanah besar benua Asia. Sebagai ilmu seni tempur, silat menetapkan cara tempur senjata iaitu serangan

seperti seni tikam, parang dan tetak. Antara tujuh langkah seni sambut iaitu sekat, sentak, kedu, tindih, sisip, sagang dan potong.

## **METODOLOGI**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah temu bual. Pada hakikatnya, temu bual adalah perbincangan formal di mana satu subjek mengemukakan soalan dan yang lain menawarkan jawapan. Istilah temu bual atau wawancara merujuk kepada perbualan satu lawan satu antara penemuduga dan penemuduga dalam bahasa yang sama. Penemu bual menanyakan soalan yang, pada umumnya memberikan maklumat, jawapan orang yang ditemu ramah. Maklumat itu boleh digunakan atau dibekalkan kepada orang lain dengan segera atau lambat pada khalayak.

Tokoh yang dipilih adalah Datuk Seri Panglima GM Mohamad Nizam Mohamed Shapie atau lebih dikenali dengan gelaran Guru Nizam yang berasal dari Kuala Lumpur. Beliau memulakan pelajaran beliau di di SRK St. John (2). Bukit Nanas, Kuala Lumpur pada tahun 1986 sehingga tahun 1991 kemudian beliau mendapatkan pendidikan di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Selangor bermula pada tahun 1992 sehingga tahun 1996. Beliau memperoleh Sijil Matrikulasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun 1997. Setelah itu, beliau melanjutkan pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Hayat (Genetik) di universiti yang sama. Mankala tahun 2004, beliau menerima ijazah Sarjana dalam bidang Sains Sukan dan Rekreasi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam. Pada tahun 2007 beliau telah melanjutkan pelajaran di luar negara iaitu di Cardiff, United Kingdom dalam bidang Kedoktoran Falsafah dan dalam bidang Kejurulatihan Sukan (Combat Sports -- Silat) dan lulus pada tahun 2012.

Pada awal proses temuduga, penyelidikan dibuat dengan mengumpul maklumat tentang tokoh dan serba sedikit maklumat berkenaan silat gayung dan Pertubuhan Seni Gayung Fatani sebelum sesi temuduga dijalankan. Seterusnya melawat tempat kajian tokoh yang telah dipilih iaitu Pengerusi Pertubuhan Seni Gayung Fatani yang berada di Shah Alam, Selangor. Sesi temubual bersama tokoh dilakukan bagi mengenali dan mengumpul maklumat dan mencapai objektif penyelidikan. Selain itu, penyelidikan ini juga dilakukan

dengan berhubung dengan tokoh secara atas talian seperti menggunakan aplikasi “Whatsapp” dan “Google meet” bagi memberitahu dan memastikan tokoh sentiasa di dalam keadaan bersedia.

## **HASIL KAJIAN**

Dalam penyelidikan ini, para didapati bahawa seni silat adalah seni mempertahankan diri bagi seseorang yang mempelajarinya untuk mempertahankan diri daripada ancaman bahaya. Silat adalah salah satu amalan mempertahankan diri yang paling biasa di Asia, (Datuk Seri Panglima GM Nizam Shapie, 2010) Ia dianggap sebagai salah satu gaya tempur pertahanan diri terbaik di jalan. Ini kerana keberkesanan serangan sasaran. Di Malaysia, ia adalah seni mempertahankan diri rasmi. Sesungguhnya seni mempertahankan diri ini, yang dikenali sebagai Silat Olahraga (pertempuran) dan Silat Seni (persembahan), mempunyai sukan tersendiri. Atas beberapa sebab seperti disiplin, rasa hormat, keberanian dan yang paling penting untuk belajar mempertahankan diri, ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke akademi silat untuk mempelajari seni mempertahankan diri ini.

Selain itu, penyelidikan ini mendapati bahawa Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM) yang didaftarkan pada salah cadangan nama yang diberikan oleh Almarhum Tn. Hj. Imam Mansor Ismail, dan disokong penuh oleh Almarhum Tn. Hj. Mohd Ali, Almarhum Tn. Hj. Ramli Abd Rahman, Almarhum Pakndak Embong (Embung Abdullah) dan dipersetujui oleh semua pihak. PSGFM adalah sebuah badan yang menguruskan keutamaan ahli, aktiviti yang dijalankan haruslah berpandukan piawaian perlembagaan PSGFM melalui cadangan ahli Dewan Perguruan. ‘Seni’ dalam Seni Gayung Fatani Malaysia didefinisikan berteraskan seni budaya Melayu yang membentuk mental, fizikal, rohani, emosi seterusnya meningkatkan nilai diri. Manakala ‘gayung’ bermakna silat iaitu ilmu bela diri Melayu dan ‘fatani’ pula bermakna bijaksana. Maka itulah sedikit sebanyak tentang sejarah persatuan. Sehingga kini PSGFM ialah antara badan pelopor Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) yang berada di dasar Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT).

Seterusnya, (Shamsul, 2008) Kerangka latihan silat merangkumi tujuh peringkat. Untuk menunjukkan tahap pencapaian yang dicapai oleh pelajar, setiap tahap ditandai dengan sistem tali pinggang (tali pinggang putih, biru, coklat, kuning, hijau, merah dan hitam). Di setiap peringkat, pelajar diharapkan dapat mempelajari tujuh topik. Kaedah latihan silat terkuat dianggap sebagai salah satu disiplin silat yang dikenali sebagai 'Buah Pukulan'. Ini kerana topik ini terutama berdasarkan pertahanan diri. Pelajar akan belajar menerima serangan dari pelbagai ukuran, ketinggian dan berat lawan. Mereka juga perlu menguasai bagaimana mendapatkan serangan dari pelbagai sudut dan bagaimana menangani lebih dari satu musuh.

Akhir sekali, hasil daripada penyelidikan ini, kejayaan yang telah dicapai oleh pertubuhan ini amatlah banyak dan ada juga yang bertaraf antarabangsa. Antara pencapaian awal ialah Kejohanan Silat Tempur Peringkat Kebangsaan 2014 (Siri I). selain itu pertubuhan ini juga telah membuat beberapa lawatan ke Eropah seperti Silat European Tour 2014 yang berlangsung selama 10 hari. Pertubuhan ini juga menjadi juara di Poland – Silat European Tour 2014\*. Tambahan lagi, pencapaian yang menjadi buah mulut masyarakat seni mempertahankan diri dalam dan luar negara terhadap PSGFM adalah Silat European Tour 2014, 2016, 2018, 2019, kejohanan liga silat pertama di dunia iaitu Kejohanan Silat Tempur Peringkat Kebangsaan dan juga Jemputan Antarabangsa pada setiap tahun mulai 2014 dan terkini bakal mengadakan persidangan antarabangsa GSMACCC & IMACSSS 2020 pada 10-12 Oktober 2020, di Putrajaya.

## **KESIMPULAN**

Seni silat telah melalui suatu sejarah yang panjang dan selari dengan ketamadunan bangsa Melayu itu sendiri. Setiap kerajaan yang muncul, pasti mempunyai angkatan perangnya yang tersendiri yang berfungsi untuk melindungi raja dan rakyat masing-masing.

Peranan seni silat dalam memelihara warisan budaya amatlah jelas. Ini dapat dilihat dalam seni gerak dan tari silat, bahasa yang digunakan, pakaian, persenjataan tradisi, malah muzik silat baku yang sering dimainkan dalam majlis-majlis kerian Sebagai contoh, pakaian bagi pesilat ataupun pendekar

adalah busana pahlawan yang lengkap bersamping dan tengkolok serta keris terisisip kemas di sisi. Cara duduk, cara berjalan, bergerak dan bergerak, semuanya sarat dengan ilmu dan firasat kepahlawanan.

Ini kerana, ilmu silat mampu mendidik jiwa para pengamalnya dengan nilai disiplin, pgaah berani, setia kepada negara, di samping bersatu padu dan cintakan tanah air. Silat mengajar penuntutnya agar cintakan keamanan dan mengelak sebarang permusuhan.

Seni silat adalah warisan negara yang tidak ternilai harganya, kerana peranan yang telah dimainkannya dalam sejarah jatuh bangun negara kita. Nama-nama seperti Hang Tuah, Mat Kilau, Tok Janggut, Dato' Maharajalela dan Dol Said merupakan antara tokoh negara kita yang menggunakan ilmu persilatan demi mempertahankan tanah air kita.

Justeru, seluruh rakyat Malaysia tidak kira agama dan bangsa, harus merebut peluang ini. Silat Malaysia adalah warisan seni hak kita bersama. Telah menjadi tanggungjawab kita semua, untuk memelihara warisan seni budaya bangsa ini, agar terus memartabatkan di tanah air kita dan seluruh dunia.

## **RUJUKAN**

- Anuar A W. (1996). Silat Olahraga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said (1958). Seni Silat Gayong Bukan Seni Silat Melayu Asli. Mastika, April, 38-40, 50.
- Berita Harian. (1970, 24 Julai). Silat dan Tarian Untok Perayaan di-Expo 70, 5.
- Berjat. (1958). Seni Silat Gayong Bukan Seni Silat Melayu Asli. Mastika, April, 38-40, 50.
- Farrer, D.S. (2009). Shadow of the Prophet: Martial Arts and Sufi Mysticism in Malaysia. New York: Springer.
- Kkmm.gov.my. (n.d.). Retrieved January 04, 2021, From [https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=594%3Ajenis-warisan&catid=65%3Adokumen&Itemid=145&lang=en](https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=594%3Ajenis-warisan&catid=65%3Adokumen&Itemid=145&lang=en)
- Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia. (n.d.). Retrieved January 16, 2021, from <http://www.gayong.com.my/>

Sedih ANAK MUDA Pilih BELAJAR 'silat import'. (2018, June 25). Retrieved January 09, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/06/351550/sedih-anak-muda-pilih-belajar-silat-import>

Tsunashima, S. (2004). Perubahan Peranan dan Fungsi Institusi Persilatan Melayu di Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Wahab, A. (n.d.). Laman Web Rasmi Pertubuhan Seni Gayung Fatani Malaysia (PSGFM). Retrieved January 10, 2021, from <https://www.psgfm.org.my/>

Yusliza Y.A.T. (2019). Pelbagai Manfaat Seni Bela Diri. Harian Metro. Retrieved January 8, 2021, from <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/03/430946/pelbagai-manfaat-seni-bela-diri>